

11 DEC 1998

KEMPEN PEMILIKAN RUMAH DI SABAH DILANCAR/I

KOTA KINABALU, 11 Dis (Bernama) -- Pembeli rumah di Sabah akan menikmati potongan harga, syarat pembiayaan yang berpatutan dan dikecualikan daripada bayaran gumaan apabila menyertai Kempen Pemilikan Rumah peringkat negeri yang akan dilancarkan pada Isnin.

Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul hari ini berkata faedah lain ialah potongan harga ke atas premium insurans semasa kempen selama sebulan itu yang akan dilancarkan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok.

Kempen Pemilikan Rumah peringkat kebangsaan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

"Ketua Menteri dijangka mengumumkan butiran mengenai pakej keseluruhan yang ditawarkan bagi pembelian rumah termasuk insentif tambahan yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri," kata Datu Khalil dalam satu kenyataan di sini.

Sempena pelancaran kempen itu, satu pameran anjuran kerajaan negeri dan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Sabah akana diadakan di Pusat Perdagangan Sabah dari 14 hingga 20 Dis.

-- BERNAMA

JS FAZ